

## Ciri Keusahawanan dan Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Murid Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) di Daerah Jerantut, Pahang

Norhasliza Md Piah & Suhaida Abdul Kadir\*

Jabatan Pendidikan Sains dan Teknikal, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor

### ABSTRAK

Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) merupakan mata pelajaran yang merangkumi komponen Reka Bentuk dan Teknologi, Kemahiran Teknikal dan Perniagaan dan Keusahawanan untuk melahirkan murid yang berdaya saing pada peringkat global. Kajian deskriptif-korelasi ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara ciri keusahawanan dengan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) di daerah Jerantut, Pahang. Populasi kajian adalah daripada semua murid Tingkatan Dua yang mengambil subjek Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) di dua buah sekolah menengah kebangsaan. Sampel kajian adalah seramai 250 orang murid. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif dan sederhana yang signifikan antara ciri keusahawanan dengan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB). Ciri keusahawanan pelajar mampu meningkatkan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam diri seseorang bagi mencapai matlamat tahun 2020 untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian. Pemberian program, kursus dan latihan dapat memberi pendedahan awal yang tinggi dan baik kepada murid berkaitan tentang keusahawanan dan meningkatkan aspirasi kerjaya keusahawanan murid. Penggunaan pelbagai teknik pengajaran keusahawanan dapat membantu pelajar dalam meningkatkan pengetahuan dalam bidang keusahawanan.

**Kata Kunci:** Ciri keusahawanan, aspirasi kerjaya keusahawanan, kemahiran hidup bersepadu (KHB)

### ABSTRACT

Integrated Living Skill (ILS) is a subject that cover components of Design and Technology, Technical Skills and Business and Entrepreneurship to produce competitive students at a global scale. This descriptive-correlation study aimed to determine the relationship between entrepreneurial characteristic and entrepreneurial career aspirations among Integrated Living Skill subject's students in Jerantut, Pahang. The population of this study are from Form Two student who are currently taking Integrated Living Skills subject as a study subject in two national high schools. The samples consisted of 250 students. The results of this study show that there were a positive relationship and a significant moderate between entrepreneurial characteristic and entrepreneurial career aspirations among those secondary school students. The student's entrepreneurial characteristics are able to enhance the entrepreneurial career aspirations in person to achieve the goal of 2020 to create trade and industrial societies. Program courses and training can give a high and good early exposure of entrepreneurship to students and enhancing their career aspiration to become future entrepreneur. The use of various entrepreneurial teaching techniques can help students to increase their knowledge in entrepreneurship.

**Keywords:** Entrepreneurial characteristic, entrepreneurial career aspirations, integrated living skill (ILS)

### PENGENALAN

Perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan tidak dapat dielakkan berikutan dengan pembangunan negara yang semakin pesat. Menurut Mahmood, Dason, Peggie, Hamzah, dan Saud (2011), perkara ini adalah perlu bagi menampung keperluan baharu dalam pelbagai bidang di negara kita. Dasar kerajaan serta sistem pendidikan negara banyak memberikan penekanan terhadap bidang keusahawanan bertujuan memajukan sektor ekonomi negara.

Dalam aspirasi Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015- 2025 terdapat enam ciri utama yang perlu ada pada setiap murid di sekolah untuk berdaya saing dalam peringkat global. Salah satu daripadanya adalah kemahiran

\* Corresponding author: [suhaida@upm.edu.my](mailto:suhaida@upm.edu.my)

eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

memimpin iaitu kebolehan memimpin dan bekerja dengan orang lain secara berkesan adalah sangat penting dalam diri murid. Sistem pendidikan negara membantu setiap murid untuk mencapai potensi sepenuhnya dengan mewujudkan peluang secara formal dan tidak formal. Dalam konteks sistem pendidikan ini, terdapat empat dimensi dalam kepimpinan, iaitu keusahawanan, berdaya tahan, kecerdasan emosi dan kemahiran berkomunikasi dengan berkesan.

Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) ada dinyatakan dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Ketiga) merupakan satu dasar yang diwujudkan bagi melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, kebolehkerjaan dan kebolehpasaran agar sentiasa relevan dalam membantu menyokong pembangunan ekonomi negara. PTV adalah satu pendidikan yang menekankan konsep pendidikan seumur hidup kepada para murid. Latihan kursus telah disediakan oleh PTV di Malaysia untuk kemahiran vokasional bagi melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan, kemahiran asas dan juga memberi persediaan kepada mereka untuk memasuki alam pekerjaan kelak (Suhaila, Suhaida, & Zaidatol Akmaliah, 2013).

Kurikulum PTV diperkasa supaya murid lepasan PTV mempunyai laluan kerjaya yang jelas, luas, nilai kebolehpasaran, menguasai kemahiran keusahawanan dan kebolehkerjaan. Bilangan sekolah dan bidang vokasional yang menjurus kepada keperluan sektor ekonomi, perkhidmatan dan industri ditambah dan memperkasakan Sekolah Perniagaan (*School Enterprise*) lepasan PTV yang mempunyai jati diri tinggi dan memiliki nilai-nilai keusahawanan. Hal ini selari dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan penglibatan dalam keusahawanan. Kerajaan bermatlamat menjadikan bidang keusahawanan terutamanya sektor industri kecil dan sederhana sebagai penyumbang utama kepada peluang pekerjaan di Malaysia serta membantu perkembangan ekonomi negara pada abad ke-21 (Zaidatol Akmaliah, Abd Rahim dan Mohd Majid, 2002).

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu merupakan salah satu strategi untuk melahirkan murid yang berdaya saing yang melibatkan keusahawanan dalam peringkat global. Kemahiran Hidup Bersepadu merangkumi komponen Reka Bentuk dan Teknologi, Kemahiran Teknikal dan Perniagaan dan Keusahawanan. Bidang Perniagaan dan Keusahawanan bertujuan untuk memupuk minat dan kesedaran murid dalam perniagaan dan keusahawanan melalui aktiviti jual beli (Norsuhada, Azila, Chia, Rohana, & Muhammad Sukri, 2011). Menurut Zaidatol Akmaliah et. al (2002), komponen keusahawanan ini diperkenalkan kepada murid-murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 dengan bermatlamat untuk memberi pendedahan kepada para murid dengan bidang kerjaya dan maklumat perniagaan supaya murid dapat menyedari potensi mereka ke arah menjadi seorang usahawan.

Tujuan kurikulum Kemahiran Hidup Bersepadu ini diwujudkan adalah untuk melahirkan insan yang berdikari, memahami teknologi dan ekonomi serta mempunyai sikap yang kreatif, berinisiatif dan yakin diri dalam keadaan teknologi yang sentiasa berubah untuk kehidupan harian yang semakin membangun. Terdapat beberapa objektif Kemahiran Hidup Bersepadu yang berkaitan dengan keusahawanan. Antaranya adalah untuk mengenal pasti kepentingan perniagaan, perkembangannya pada masa depan yang bercirikan ekonomi berdasarkan pengetahuan (k-ekonomi) dan perniagaan dalam negeri dan antarabangsa dan ia juga untuk mengenal pasti cabaran dan kejayaan usahawan serta menilai potensi diri dalam bidang keusahawanan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Komponen perniagaan dan keusahawanan KHB membekalkan murid dengan pengetahuan serta kemahiran asas perniagaan dan keusahawanan yang menekankan amalan perniagaan termasuk aspek kewangan dan simpan kira, pengurusan perniagaan, etika dalam perniagaan. Melalui kurikulum KHB, keusahawanan banyak diterapkan dan diajari dalam kurikulum tersebut.

Menurut Buerah, Hussin dan Baharin (2011), pendidikan keusahawanan yang berterusan amat penting kerana ia dapat memberi pelbagai faedah kepada individu seperti membantu seseorang usahawan mengenali potensi diri dan aspirasi terhadap bidang keusahawanan, membentuk personaliti dan ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh usahawan berjaya dan membolehkan usahawan mendapat maklumat terkini berkaitan sesuatu perniagaan. Selain itu, pendidikan asas keusahawanan yang telah diberikan semasa di alam persekolahan dapat membantu dalam melahirkan individu yang memiliki ciri-ciri serta nilai-nilai keusahawanan kerana kurikulum pendidikan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berupaya melahirkan individu yang inovatif, kreatif, yakin diri, rajin berusaha dan cekal dalam bidang yang diceburi (Nor Aishah Buang, 2002).

Program pembudayaan keusahawanan ini bukan sahaja dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui kurikulum sekolah seperti mata pelajaran Prinsip Akaun, Perdagangan, Ekonomi Asas, Kemahiran Hidup Bersepadu, Ekonomi Rumahtangga dan sebagainya. Manakala ia juga dijalankan oleh Institut Keusahawanan Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dimana ia memperkenalkan Program Usahawan Muda (PUM) kepada murid-murid sekolah menengah. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengalaman yang praktikal kepada para murid mengenai sistem operasi dan pembubaran syarikat berdasarkan model koperasi. Aktiviti yang dilakukan dalam PUM 2012 ini adalah Simposium Keusahawanan, Konvensyen PUM dan Kem Keusahawanan. Program pembudayaan keusahawanan ini diteruskan sehingga di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Pada tahun 2004, satu program keusahawanan telah

diperkenalkan di IPT, iaitu *Student In Free Enterprise* atau SIFE. Program SIFE ini telah membuka peluang kepada para pelajar IPT untuk menyertai pertandingan keusahawanan pelajar di peringkat antarabangsa.

Ciri keusahawanan mampu menonjolkan dan meningkatkan aspirasi kerjaya keusahawanan. Aspirasi kerjaya merupakan penggerak utama dalam usaha untuk mencapai kerjaya yang diminati oleh seseorang individu. Pendidikan keusahawanan telah banyak diberi pendedahan kepada pelajar di peringkat sekolah pada masa kini. Ciri-ciri keusahawanan amat penting dalam mewujudkan seorang usahawan yang berjaya. Ciri-ciri keusahawanan dijadikan sebagai panduan untuk mewujudkan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam diri seseorang. Maklumat bagi ciri-ciri keusahawanan perlu dikaji untuk mengetahui keberkesanannya pendidikan atas keusahawanan yang telah diterapkan di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Melalui maklumat ciri-ciri keusahawanan ini, pihak yang berkaitan dapat memperbaiki atau meningkatkan lagi usaha dalam pendedahan bagi pendidikan atas keusahawanan. Sesetengah pihak yang berkaitan perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meningkatkan lagi penglibatan murid dalam bidang keusahawanan.

## SOROTAN LITERATUR

Bukryman, Nurizan, Samir, Naimah, Mansor, Adlina, Roselee, Afida, Mohd Salleh, Mohamed Azrul, Hemalatha (2008) telah mengkaji aspirasi keusahawanan dalam kalangan mahasiswa bagi responden yang terpilih. Seramai 931 orang mahasiswa iaitu seramai 327 dari IKBN, 295 dari ILP, dan 309 dari Giat MARA. Kajian ini dijalankan IKBN di Jitra, Bachok, Pagoh dan Sepang, ILP di Jitra, Pangkalan Chepa, Batu Pahat dan Kuala Langat. Kajian ini juga dijalankan di Giat MARA di Jitra, Kota Bahru, Nilam Puri, Muar, Batu Pahat, Sepang, Banting dan Puchong dijadikan sampel kajian ini. Hasil dapatan menunjukkan majoriti responden berpendapat bahawa mereka bercadang untuk menceburi bidang keusahawanan. Ini menunjukkan program dan latihan yang mereka terima semasa di Giat MARA memberi kesan kepada sikap yang positif terhadap kerjaya keusahawanan. Kajian ini disokong oleh kajian Norfadhilah dan Halimah (2010) membuat kajian hubungan antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dengan ciri-ciri keusahawanan, sikap terhadap kerjaya keusahawanan, bangsa dan ahli keluarga peniaga. Seramai 420 orang pelajar dijadikan sampel kajian tersebut. Hasil kajian mendapatkan bahawa pelajar IPTA masih belum mempunyai minat untuk menjadi usahawan. Mereka lebih cenderung untuk bekerja makan gaji apabila tamat pengajian. Tetapi hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dengan ciri-ciri keusahawanan. Dalam kajian

Haase & Lautenschläger (2011) telah membuat kajian bagi mengenal pasti aspirasi dalam pemilihan kerjaya. Populasi bagi kajian ini melibatkan kesemua pelajar ijazah pertama di Universiti Sains Gunaan Jena dan Universiti Sains Gunaan. Seramai 645 orang pelajar terlibat dalam kajian tersebut sebagai sampel. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa aspirasi kerjaya keusahawanan dalam diri pelajar agak rendah berbanding bekerja makan gaji di syarikat tertentu. Hasil kajian ini menyokong hasil kajian yang dibuat oleh Norfadhilah dan Halimah (2010).

Yean et al. (2008) mengkaji hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan faktor motivasi untuk menjadi usahawan. Populasi bagi kajian ini adalah semua kontraktor kelas F di Perak. Sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 71 orang kontraktor kelas F. Ciri-ciri keusahawanan yang diukur dalam kajian ini diklasifikasikan kepada tiga kategori yang berbeza, iaitu tahap komitmen, pengetahuan, dan inovatif. Kajian ini menunjukkan bahawa ciri-ciri keusahawanan yang terdapat pada kontraktor kelas F adalah agak tinggi dari segi tahap komitmen, pengetahuan mengenai keusahawanan dan tahap inovatif. Kajian tersebut disokong oleh kajian Koh (1996), di mana ia telah mengkaji ciri-ciri keusahawanan yang terdapat pada seseorang individu di *Hong Kong University of Science and Technology*. Seramai 100 orang pelajar MBA di *Hong Kong University of Science and Technology* telah terlibat dalam kajian ini sebagai sampel kajian. Hasil kajian beliau mendapatkan bahawa individu yang mempunyai minat terhadap keusahawanan mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang tinggi seperti keupayaan untuk mengambil risiko, bertolak ansur dan inovatif. Hal ini menunjukkan bahawa ciri keusahawanan yang ada dalam diri pelajar ini agak baik di mana ia mempunyai keupayaan untuk mengambil risiko yang tinggi.

### Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan antara ciri keusahawanan dengan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) di daerah Jerantut, Pahang. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu.
2. Membandingkan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu berdasarkan faktor demografi.

3. Mengenal pasti ciri-ciri keusahawanan yang wujud dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu.
4. Membanding ciri-ciri keusahawanan yang wujud dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu berdasarkan faktor demografi.
5. Menentukan hubungan antara ciri keusahawanan dengan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu di daerah Jerantut, Pahang.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian yang melibatkan kaedah kuantitatif, iaitu berbentuk deskriptif kolerasi yang dijalankan dalam bentuk tinjauan. Instrumen yang digunakan berbentuk soal selidik bagi menjawab persoalan kajian. Populasi dalam kajian ini terdiri daripada semua murid Tingkatan Dua yang mengambil subjek Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) di dua buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Jerantut, Pahang seramai 343 orang murid. Kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah bagi menentukan bilangan sampel. Seramai 250 orang murid dipilih sebagai sampel kajian ini. Soal selidik yang digunakan mengandungi tiga bahagian iaitu demografi responden, ciri keusahawanan dan aspirasi keusahawanan. Maklumat responden yang diperolehi ialah nama sekolah, kelas, jantina murid, bangsa dan tahap pendidikan tertinggi ibubapa dan pekerjaan ibubapa. Ciri keusahawanan dalam diri murid diukur menggunakan 21 item yang telah diubah suai (Azean Irdawaty & Sanuze, n.d.). Ciri keusahawanan yang diukur terdiri daripada empat dimensi, iaitu perwatakan, keadaan diri, kemahiran dan pengalaman, dan sikap. Aspirasi kerjaya keusahawanan diukur menggunakan 18 item yang telah di adaptasi dan di ubah suai daripada (Azilahwati, Syaharizad dan Helmi, 2011). Skala Likert 5 mata yang mengukur tahap persetujuan responden terhadap pernyataan yang disenaraikan diguna dalam bahagian ini (1-Sangat Tidak Setuju; 2-Tidak Setuju; 3-Kurang Setuju; 4-Setuju; 5-Sangat Setuju). Kajian rintis telah dijalankan dan nilai  $\alpha$  yang diperoleh ialah 0.891. Nilai Alpha Cronbach yang melebihi 0.80 mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999). Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan menggunakan perisian IBM SPSS versi 22.0.

## DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1:  
Demografi Responden

Demografi	Bilangan responden	Peratus (%)
<b>Jantina</b>		
Lelaki	118	47.2
Perempuan	132	52.8
<b>Bangsa</b>		
Melayu	183	73.2
Cina	55	22.0
India	12	4.8

JADUAL 2:  
Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Pendidikan Tertinggi Ibubapa

Pendidikan Tertinggi	Bilangan responden	Peratus (%)
<b>Pendidikan Tertinggi Bapa</b>		
PMR	64	25.6
SPM	119	47.4
STPM / Diploma	29	11.6
Ijazah Pertama	27	10.8
Master / PhD	11	4.4

<b>Pendidikan Tertinggi Ibu</b>		
PMR	58	23.3
SPM	134	53.6
STPM / Diploma	28	11.2
Ijazah Pertama	25	10.0
Master / PhD	5	2.0

**JADUAL 3:**  
Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Jenis Pekerjaan Ibu bapa

Jenis Pekerjaan	Bilangan responden	Peratus (%)
<b>Jenis Pekerjaan Bapa</b>		
Kerajaan / Swasta	124	49.6
Bekerja Sendiri	96	38.4
Berniaga	20	8.0
Tidak Bekerja	6	2.4
Lain-lain	4	1.6
<b>Jenis Pekerjaan Ibu</b>		
Kerajaan / Swasta	67	26.8
Bekerja Sendiri	34	13.6
Berniaga	30	12.0
Tidak Bekerja	117	46.8
Lain-lain	2	0.8

#### *Aspirasi Kerjaya Keusahawanan*

Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut tahap persetujuan di mana hampir separuh daripada bilangan responden kurang setuju (44.4%) bahawa mereka mempunyai aspirasi kerjaya keusahawanan. Manakala tidak sampai separuh murid bersetuju (38.8%) bahawa mereka mempunyai aspirasi kerjaya keusahawanan.

**JADUAL 4:**  
Taburan Responden Mengikut Tahap Persetujuan Terhadap Aspirasi Kerjaya Keusahawanan

Tahap persetujuan	N	Peratus (%)
1.00 hingga 1.79	2	0.8
1.80 hingga 2.59	24	9.6
2.60 hingga 3.39	111	44.4
3.40 hingga 4.19	97	38.8
4.20 hingga 5.00	16	6.4

Jadual 5 menunjukkan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu. Dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan bagi aspirasi kerjaya keusahawanan ialah ( $\text{min} = 3.34$ ,  $\text{sp} = 0.578$ ). Dapatan ini menunjukkan murid kurang setuju bahawa mereka mempunyai aspirasi kerjaya keusahawanan.

**JADUAL 5:**  
Analisis Deskriptif Bagi Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Murid Kemahiran Hidup Bersepadu

<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan piawai</b>
Saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memulakan dan mengendalikan perniagaan.	4.10	2.136
Saya berminat untuk memulakan perniagaan sekiranya diberi peluang dan sumber yang diperlukan.	3.90	1.102
Ahli keluarga dan rakan saya akan bersetuju dengan keputusan saya untuk memulakan perniagaan.	3.76	1.059
Saya berazam untuk menjalankan sesuatu perniagaan pada masa hadapan.	3.62	1.135
Menjadi seorang usahawan akan memberikan saya suatu kepuasan yang tinggi.	3.55	1.144
Menjadi seorang usahawan memberikan saya lebih banyak kebaikan berbanding keburukan.	3.51	1.120
Saya mempunyai peluang yang tinggi untuk berjaya sekiranya saya menjalankan sesuatu perniagaan.	3.51	1.023
Saya bersedia melakukan apa sahaja untuk menjadi seorang usahawan.	3.43	1.146
Saya mampu mengawal proses pembentukan suatu perniagaan yang baru.	3.33	0.968
Saya yakin saya tidak mampu untuk memulakan sesuatu perniagaan.*	3.32	1.155
Matlamat utama saya adalah untuk menjadi usahawan.	3.22	1.139
Sangat mudah bagi saya untuk memulakan satu perniagaan dan mengekalkannya.	3.19	0.986
Saya kurang berminat untuk memulakan perniagaan baru.*	3.16	1.171
Saya tahu selok belok yang diperlukan untuk memulakan perniagaan baru.	3.12	1.103
Kerjaya sebagai seorang usahawan sama sekali tidak menarik minat saya.*	3.10	1.342
Amat sukar bagi saya untuk membangunkan sesuatu idea perniagaan.**	3.34	1.125
Saya ragu-ragu sama ada saya mampu untuk memulakan perniagaan.***	3.20	1.068
Di antara pilihan kerjaya yang ada, saya sanggup menceburia apa jua bidang daripada menjadi seorang usahawan.****	3.32	1.204

\*\* item negatif yang di kod semula dengan nilai min = 2.82

\*\*\* item negatif yang di kod semula dengan nilai min = 2.80

\*\*\*\* item negatif yang di kod semula dengan nilai min = 2.70

Dapatan kajian menunjukkan keseluruhan responden berpendapat bahawa mereka kurang setuju menyatakan mereka mempunyai aspirasi kerjaya keusahawanan. Hal ini demikian kerana kesedaran para murid terhadap ciri keusahawanan yang ada dalam diri sendiri adalah amat tidak memuaskan. Meskipun terdapat elemen keusahawanan dalam pendidikan di sekolah dan juga IPT, murid kurang peka dengan kepentingan bagi kerjaya keusahawanan. Murid bersetuju mempunyai aspirasi kerjaya keusahawanan dalam aspek “Saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memulakan dan mengendalikan perniagaan”, “Saya berminat untuk memulakan perniagaan sekiranya diberi peluang dan sumber yang diperlukan” dan “Ahli keluarga dan rakan saya akan bersetuju dengan keputusan saya untuk memulakan perniagaan”.

Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam diri murid perlu ditingkatkan lagi melalui program-program keusahawanan oleh pihak sekolah. Program yang dianjurkan oleh pihak sekolah mampu mempengaruhi tahap aspirasi kerjaya keusahawanan dalam diri murid. Pihak sekolah disarankan untuk menganjurkan lebih banyak program atau kursus-kursus yang melibatkan keusahawanan. Program atau kursus yang dianjurkan haruslah bersetujuan dengan tahap pemikiran para murid dan selaras dengan objektif program tersebut. Selain itu, aktiviti perniagaan perlu lebih banyak dilakukan dalam bentuk praktikal bersama dengan teori supaya murid lebih memahami cara pengurusan perniagaan serta meningkat kemahiran dan pengalaman dalam menjalani sesuatu perniagaan. Dengan adanya penganjuran program atau kursus keusahawanan ini, murid boleh memahami dan menjiwai serta mengamalkan ilmu keusahawanan yang dipelajari dalam kerjaya keusahawanan kelak

## *Perbandingan Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Berdasarkan Faktor Demografi Responden*

Jadual 6 menunjukkan perbandingan min aspirasi kerjaya keusahawanan berdasarkan jantina murid. Dari segi jantina tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan perempuan dalam aspirasi kerjaya keusahawanan ( $t = -0.506$ ,  $p = 0.677$ ). Seterusnya tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara bangsa iaitu ( $F = 2.469$ ,  $p = 0.087$ ). Ini menunjukkan bahawa aspirasi kerjaya keusahawanan tidak dipengaruhi oleh bangsa.

**JADUAL 6:**

Analisis Perbandingan Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Murid Kemahiran Hidup Bersepadu Berdasarkan Faktor Jantina dan Bangsa

Demografi	N	Min	Sp	Nilai t / nilai F
<b>Jantina</b>				
Lelaki	118	3.321	0.569	-0.506
Perempuan	132	3.358	0.587	
<b>Bangsa</b>				
Melayu	183	3.382	0.621	2.469
Cina	55	3.188	0.406	
India	12	3.402	0.458	

Jadual 7 menunjukkan perbandingan min aspirasi kerjaya keusahawanan berdasarkan tahap pendidikan tertinggi ibubapa. Dari segi tahap pendidikan tertinggi bapa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam aspirasi kerjaya keusahawanan ( $F = 0.048$ ,  $p = 0.996$ ). Ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan tertinggi bapa tidak mempengaruhi aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan murid. Aspirasi kerjaya keusahawanan berdasarkan tahap pendidikan tertinggi ibu juga tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan iaitu ( $F = 0.250$ ,  $p = 0.910$ ). Ini juga menunjukkan tiada perbezaan diantara tahap pendidikan tertinggi ibu dengan aspirasi kerjaya keusahawanan.

**JADUAL 7:**

Analisis Perbandingan Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Murid Kemahiran Hidup Bersepadu Berdasarkan Tahap Pendidikan Ibubapa

Tahap Pendidikan	N	Min	Sp	Nilai t / nilai F
<b>Tahap pendidikan tertinggi bapa</b>				
PMR	64	3.353	0.578	0.048
SPM	119	3.339	0.548	
STPM / Diploma	29	3.300	0.649	
Ijazah Pertama	27	3.341	0.677	
Master / PhD	11	3.368	0.542	
<b>Tahap pendidikan tertinggi ibu</b>				
PMR	58	3.332	0.549	0.250
SPM	134	3.336	0.610	
STPM / Diploma	28	3.432	0.396	
Ijazah Pertama	25	3.302	0.685	
Master / PhD	5	3.233	0.354	

Jadual 8 menunjukkan perbandingan min aspirasi kerjaya keusahawanan berdasarkan jenis pekerjaan ibubapa. Jadual 8 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara pekerjaan bapa dengan aspirasi kerjaya keusahawanan ( $F = 0.579$ ,  $p = 0.629$ ). Ini juga menunjukkan bahawa pekerjaan bapa tidak mempengaruhi aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan murid. Bagi pekerjaan ibu juga tidak terdapat perbezaan yang signifikan iaitu ( $F = 1.160$ ,  $p = 0.326$ ). Ini juga menunjukkan tiada perbezaan diantara pekerjaan ibu dengan aspirasi kerjaya keusahawanan.

**JADUAL 8:**

Analisis Perbandingan Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Murid Kemahiran Hidup Bersepadu Berdasarkan Jenis Pekerjaan Ibubapa

Jenis Pekerjaan	N	Min	Sp	Nilai t / nilai F	p
<b>Pekerjaan bapa</b>					
Kerajaan / Swasta	124	3.376	0.578	0.579	0.629
Bekerja sendiri	96	3.317	0.616		
Berniaga	20	3.286	0.490		
Tidak bekerja	6	3.111	0.168		
<b>Pekerjaan ibu</b>					
Kerajaan / Swasta	67	3.375	0.606	1.160	0.326
Bekerja sendiri	34	3.403	0.580		
Berniaga	30	3.163	0.587		
Tidak bekerja	117	3.347	0.561		

Perbandingan aspirasi kerjaya keusahawanan berdasarkan demografi menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina, bangsa, pendidikan tertinggi ibubapa dan juga pekerjaan ibubapa. Hal ini jelas menunjukkan bahawa aspirasi kerjaya keusahawanan tidak dipengaruhi oleh latar belakang seseorang. Tetapi yang mempengaruhi aspirasi kerjaya keusahawanan bagi seseorang adalah motivasi diri dan daya usaha seseorang.

Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Norfadhilah Nasharudin dan Halimah Harun (2010) yang menunjukkan pelajar IPTA masih belum menunjukkan minat untuk menjadi usahawan dan hanya 58.8% sahaja menyatakan minat mereka terhadap keusahawanan. Kajian berdasarkan latar belakang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dengan murid lelaki dan perempuan ( $t = 1.774$ ,  $p > 0.05$ ). Secara amnya, ia menunjukkan bahawa faktor jantina tidak memainkan peranan penting dalam pembentukan aspirasi kerjaya keusahawanan.

Implikasi yang perlu dilakukan ialah guru perlu menarik minat murid melalui pendidikan keusahawanan dengan melakukan pelbagai teknik pengajaran bagi mencetuskan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam diri murid. Oleh itu, guru atau pensyarah perlu diberi kursus-kursus keusahawanan yang sesuai terlebih dahulu bagi membentuk teknik pengajaran yang terbaik.

#### *Ciri Keusahawanan*

Jadual 9 menunjukkan taburan responden mengikut tahap persetujuan di mana hampir separuh daripada bilangan responden kurang setuju (45.6%) bahawa mereka mempunyai ciri keusahawanan. Manakala tidak sampai separuh setuju (44.0%) bahawa mereka mempunyai ciri keusahawanan tersebut.

**JADUAL 9:**

Taburan Responden Mengikut Tahap Persetujuan Terhadap Ciri Keusahawanan

Tahap persetujuan	N	Peratus (%)
1.00 hingga 1.79	2	0.8
1.80 hingga 2.59	13	5.2
2.60 hingga 3.39	114	45.6
3.40 hingga 4.19	110	44.0
4.20 hingga 5.00	7	2.8

Jadual 10 menunjukkan ciri keusahawanan secara keseluruhan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu berada pada tahap kurang setuju ( $\text{min} = 3.34$ ,  $\text{sp} = 0.491$ ). Murid setuju dalam perwatakan bagi ciri keusahawanan ( $\text{min} = 3.47$ ,  $\text{sp} = 0.593$ ), murid kurang setuju dalam keadaan diri bagi ciri keusahawanan ( $\text{min} = 3.24$ ,  $\text{sp} = 0.716$ ). Seterusnya, murid juga kurang bersetuju dalam kemahiran dan pengalaman bagi ciri keusahawanan ( $\text{min} = 3.10$ ,  $\text{sp} = 0.565$ ) dan murid setuju dalam sikap bagi ciri keusahawanan ( $\text{min} = 3.56$ ,  $\text{sp} = 0.777$ ).

JADUAL 10:

Skor min, sisihan piawai dan interpretasi min bagi ciri keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu

<b>Ciri keusahawanan</b>	<b>Min</b>	<b>Sp</b>	<b>Interpretasi min</b>
1. Perwatakan	3.47	0.593	Setuju
2. Keadaan diri	3.24	0.716	Kurang setuju
3. Kemahiran dan pengalaman	3.10	0.565	Kurang setuju
4. Sikap	3.56	0.777	Setuju
<b>Keseluruhan</b>	<b>3.34</b>	<b>0.491</b>	<b>Kurang setuju</b>

Jadual 11 menunjukkan 6 perwatakan bagi ciri keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu. Min yang tertinggi bagi ciri keusahawanan dari dimensi perwatakan ialah “Saya mempunyai hubungan komunikasi yang baik dengan semua orang” (min = 3.69, sp = 1.045), “Saya suka kepada persaingan” (min = 3.62, sp = 1.124) dan “Saya mempunyai kekuatan untuk mengurus kerja dengan sendiri dan berdisiplin” (min = 3.56, sp = 0.964). Manakala min ciri keusahawanan dari dimensi perwatakan yang terendah ialah “Saya sering membuat keputusan sendiri” (min = 3.23, sp = 1.058).

JADUAL 11:

Skor min dan sisihan piawai bagi ciri keusahawanan dari dimensi perwatakan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu

<b>Ciri keusahawanan – Perwatakan</b>	<b>Min</b>	<b>Sp</b>
1. Saya mempunyai hubungan komunikasi yang baik dengan semua orang	3.69	1.045
2. Saya suka kepada persaingan	3.62	1.124
3. Saya mempunyai kekuatan untuk mengurus kerja dengan sendiri dan berdisiplin	3.56	0.964
4. Saya suka menjadi ketua	3.43	1.074
5. Saya seorang perancang yang baik	3.28	0.949
6. Saya sering membuat keputusan sendiri	3.23	1.058

Jadual 12 menunjukkan 4 keadaan diri bagi ciri keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu. Nilai min yang tertinggi dalam keadaan diri bagi ciri keusahawanan dalam kalangan murid ialah “Keluarga saya memberi sokongan yang padu kepada saya untuk bermula” (min = 3.73, sp = 1.108) dan “Saya bersedia untuk menanggung kerugian apabila bermula” (min = 3.46, sp = 1.083). Keadaan diri bagi ciri keusahawanan yang menunjukkan nilai min terendah ialah “Saya sanggup meninggalkan pekerjaan saya yang lebih terjamin untuk bermula” (min = 2.83, sp = 1.093).

JADUAL 12:

Skor min dan sisihan piawai bagi ciri keusahawanan dari dimensi keadaan diri dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu

<b>Ciri keusahawanan – Keadaan diri</b>	<b>Min</b>	<b>Sp</b>
1. Keluarga saya memberi sokongan yang padu kepada saya untuk bermula	3.73	1.108
2. Saya bersedia untuk menanggung kerugian apabila bermula	3.46	1.083
3. Saya sanggup bekerja 10-15jam sehari	2.92	1.148
4. Saya sanggup meninggalkan pekerjaan saya yang lebih terjamin untuk bermula	2.83	1.093

Jadual 13 menunjukkan 6 kemahiran dan pengalaman bagi ciri keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu. Min yang menunjukkan nilai tertinggi dalam kemahiran dan pengalaman ialah “Saya mempunyai kemahiran yang diperlukan dalam mengendalikan sesuatu perniagaan” (min = 3.46, sp = 1.006) dan “Saya boleh menilai keupayaan dan kemahiran pekerja-pekerja saya” (min = 3.44, sp = 1.021). Manakala, kemahiran dan pengalaman bagi ciri keusahawanan yang menunjukkan nilai min terendah ialah “Saya boleh menangguhkan cadangan membuka perniagaan sehingga saya mempunyai kemahiran, pengalaman dan pengetahuan yang cukup” (min = 2.41, sp = 1.243).

JADUAL 13:

Skor min dan sisihan piawai bagi ciri keusahawanan dari dimensi kemahiran dan pengalaman dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu

<b>Ciri keusahawanan – Kemahiran dan Pengalaman</b>	<b>Min</b>	<b>Sp</b>
1. Saya mempunyai kemahiran yang diperlukan dalam mengendalikan sesuatu perniagaan	3.46	1.006
2. Saya boleh menilai keupayaan dan kemahiran pekerja-pekerja saya	3.44	1.021
3. Saya pernah bekerja atau belajar dalam bidang yang sama dengan perniagaan yang akan saya ceburi	3.29	1.132
4. Saya mempunyai pengalaman sebagai seorang pengurus atau ketua	3.25	1.204
5. Saya pernah mengikuti kursus keusahawanan	2.76	1.198
6. Saya boleh menangguhkan cadangan membuka perniagaan sehingga saya mempunyai kemahiran, pengalaman dan pengetahuan yang cukup*	3.59	1.243

\* item negatif yang di kod semula dengan nilai min = 2.41

Jadual 14 menunjukkan 5 sikap bagi ciri keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu. Nilai min yang tertinggi bagi sikap dalam ciri keusahawanan ialah “Perniagaan yang akan saya ceburi tidak melanggar peraturan undang-undang negara” ( min = 4.02, sp = 1.235) dan “Masyarakat di sekitar perniagaan saya bersetuju dengan pembukaan perniagaan saya” ( min = 3.67, sp = 1.066). Sikap bagi ciri keusahawanan yang menunjukkan nilai min terendah ialah “Sekiranya saya tidak mempunyai modal yang mencukupi, terdapat pelabur-pelabur yang berminat untuk melabur dalam perniagaan saya” ( min = 3.25, sp = 1.114)

JADUAL 14:

Skor min dan sisihan piawai bagi ciri keusahawanan dari dimensi sikap dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu

<b>Ciri keusahawanan - Sikap</b>	<b>Min</b>	<b>Sp</b>
1. Perniagaan yang akan saya ceburi tidak melanggar peraturan undang-undang negara	4.02	1.235
2. Masyarakat di sekitar perniagaan saya bersetuju dengan pembukaan perniagaan saya	3.67	1.066
3. Pelabur-pelabur dalam perniagaan saya mengetahui risiko yang akan ditanggung oleh mereka	3.44	1.119
4. Saya mempunyai modal yang mencukupi untuk bermiaga	3.42	1.187
5. Sekiranya saya tidak mempunyai modal yang mencukupi, terdapat pelabur-pelabur yang berminat untuk melabur dalam perniagaan saya	3.25	1.114

Dapatan kajian menunjukkan murid kurang setuju dengan pernyataan bahawa mereka mempunyai ciri keusahawanan. Ciri keusahawanan yang ada dalam diri murid mampu meningkatkan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam diri seseorang bagi mencapai matlamat tahun 2020 untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian.

Murid Kemahiran Hidup Bersepadu bersetuju dengan ciri perwatakan iaitu “Saya mempunyai hubungan komunikasi yang baik dengan semua orang”, “Saya suka kepada persaingan” dan “Saya mempunyai kekuatan untuk mengurus kerja dengan sendiri dan berdisiplin” dan ciri dari dimensi sikap iaitu “Perniagaan yang akan saya ceburi tidak melanggar peraturan undang-undang negara” dan “Masyarakat di sekitar perniagaan saya bersetuju dengan pembukaan perniagaan saya”. Manakala murid kurang bersetuju dengan ciri kemahiran dan pengalaman iaitu “Saya mempunyai pengalaman sebagai seorang pengurus atau ketua” dan ciri keadaan diri iaitu “Saya sanggup meninggalkan pekerjaan saya yang lebih terjamin untuk bermiaga”.

Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Zaidatol Akmaliah et al (2004) yang menyatakan bahawa usahawan bumiputera berkeupayaan tinggi dalam aspek pengendalian kemahiran pengurusan dan 50% mempunyai keupayaan rendah dalam melaksanakan pengurusan kewangan dan kemahiran.

Bagi mewujudkan serta memantapkan ciri keusahawanan dalam diri murid sehingga mencapai tahap sangat bersetuju, beberapa kaedah dicadangkan iaitu program yang dilaksanakan haruslah menerapkan konsep keusahawanan yang tinggi seperti kemahiran, keadaan dalam perniagaan, perwatakan dan sikap yang perlu ada

bagi seorang usahawan berjaya. Pelaksanaan program perlu diteliti dari pelbagai aspek bagi memastikan ia dapat memberi impak dan kesedaran yang tinggi kepada semua murid yang mengikuti program tersebut.

#### *Perbandingan Ciri Keusahawanan Berdasarkan Faktor Demografi Responden*

Jadual 15 menunjukkan perbandingan min ciri keusahawanan berdasarkan demografi jantina murid. Dari aspek jantina tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan perempuan dalam ciri keusahawanan ( $t = 1.339$ ,  $p = 0.209$ ). Seterusnya, terdapat perbezaan yang signifikan diantara bangsa iaitu ( $F = 3.618$ ,  $p = 0.028$ ). Ini menunjukkan bahawa bangsa mempengaruhi ciri keusahawanan dalam kalangan murid.

JADUAL 15:

Analisis Perbandingan Ciri Keusahawanan Dalam Kalangan Murid Kemahiran Hidup Bersepadu Berdasarkan Faktor Jantina dan Bangsa

Demografi	N	Min	Sp	Nilai t / p nilai F
<b>Jantina</b>				
Lelaki	118	3.385	0.525	1.339
Perempuan	132	3.302	0.455	0.209
<b>Bangsa</b>				
Melayu	183	3.370	0.513	3.618
Cina	55	3.203	0.396	0.028
India	12	3.547	0.410	

Jadual 16 menunjukkan perbandingan min ciri keusahawanan berdasarkan tahap pendidikan tertinggi ibubapa. Dari aspek tahap pendidikan tertinggi bapa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam ciri keusahawanan ( $F = 1.682$ ,  $p = 0.162$ ). Ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan tertinggi bapa tidak mempengaruhi ciri keusahawanan dalam kalangan murid. Ciri keusahawanan berdasarkan tahap pendidikan tertinggi ibu menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan iaitu ( $F = 2.476$ ,  $p = 0.045$ ). Ini menunjukkan tahap pendidikan tertinggi ibu mempengaruhi ciri keusahawanan dalam kalangan murid.

JADUAL 16:

Analisis Perbandingan Ciri Keusahawanan Dalam Kalangan Murid Kemahiran Hidup Bersepadu Berdasarkan Tahap Pendidikan Tertinggi Ibubapa

Tahap Pendidikan Tertinggi	N	Min	Sp	Nilai t / P nilai F
<b>Tahap pendidikan tertinggi bapa</b>				
PMR	64	3.400	0.475	1.652
SPM	119	3.295	0.478	0.162
STPM / Diploma	29	3.292	0.548	
Ijazah Pertama	27	3.342	0.450	
Master / PhD	11	3.649	0.601	
<b>Tahap pendidikan tertinggi ibu</b>				
PMR	58	3.293	0.532	2.476
SPM	134	3.319	0.495	0.045
STPM / Diploma	28	3.610	0.361	
Ijazah Pertama	25	3.278	0.459	
Master / PhD	5	3.323	0.241	

Jadual 17 menunjukkan perbandingan min ciri keusahawanan berdasarkan jenis pekerjaan ibubapa. Terdapat perbezaan yang signifikan diantara pekerjaan bapa dengan ciri keusahawanan ( $F = 2.994$ ,  $p = 0.032$ ). Ini menunjukkan bahawa pekerjaan bapa mempengaruhi ciri keusahawanan dalam kalangan murid. Bagi pekerjaan ibu tidak terdapat perbezaan yang signifikan iaitu ( $F = 0.413$ ,  $p = 0.744$ ). Ini menunjukkan tiada perbezaan diantara pekerjaan ibu dengan ciri keusahawanan.

JADUAL 17:

Analisis Perbandingan Ciri Keusahawanan Dalam Kalangan Murid Kemahiran Hidup Bersepadu Berdasarkan Jenis Pekerjaan Ibu bapa

Jenis Pekerjaan	N	Min	Sp	Nilai t / p nilai F
<b>Pekerjaan bapa</b>				
Kerajaan / Swasta	124	3.389	0.491	2.994 0.032
Bekerja sendiri	96	3.351	0.508	
Berniaga	20	3.207	0.351	
Tidak bekerja	6	2.849	0.087	
<b>Pekerjaan ibu</b>				
Kerajaan / Swasta	67	3.371	0.429	0.413 0.744
Bekerja sendiri	34	3.260	0.433	
Berniaga	30	3.315	0.522	
Tidak bekerja	117	3.345	0.528	

Perbandingan ciri keusahawanan berdasarkan faktor demografi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara bangsa, pendidikan tertinggi ibu dan pekerjaan bapa. Manakala bagi demografi lain yang dikaji iaitu jantina, pendidikan tertinggi bapa dan pekerjaan ibu dengan ciri keusahawanan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Selaras dengan kajian oleh Norasmah Othman dan Sumathy A/P Panniappan (2012) yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan dalam ciri keusahawanan peniaga berbangsa India berdasarkan jantina apabila nilai  $Z = -1.56$ ,  $p > 0.05$  bagi ciri-ciri kreatif dan inovatif,  $Z = -1.20$ ,  $p > 0.05$  bagi ciri-ciri keyakinan diri, dan  $Z = -4.59$ ,  $p > 0.05$  bagi ciri-ciri menghadapi risiko. Hal ini jelas menunjukkan ciri keusahawanan yang ada pada diri seseorang tidak dipengaruhi oleh faktor demografi tetapi ia lahir dari dalam diri seseorang dengan adanya motivasi untuk terus berjaya ke hadapan.

*Hubungan antara Ciri Keusahawanan dengan Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Murid Kemahiran Hidup Bersepadu*

Jadual 18 menunjukkan nilai pekali korelasi bagi aspirasi kerjaya keusahawanan adalah sederhana ( $r = 0.497$ ). Hal ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif dan sederhana yang signifikan antara ciri keusahawanan dengan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif dan rendah yang signifikan antara aspirasi kerjaya keusahawanan dengan perwatakan ( $r = 0.337$ ) dan kemahiran dan pengalaman ( $r = 0.383$ ). Seterusnya terdapat hubungan positif dan sederhana yang signifikan antara aspirasi kerjaya keusahawanan dengan keadaan diri ( $r = 0.434$ ) dan sikap ( $r = 0.422$ ).

JADUAL 18:

Hubungan antara Ciri Keusahawanan dengan Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu

	Aspirasi kerjaya keusahawanan	
	R	p
Ciri Keusahawanan ( keseluruhan)	0.497	.000
Perwatakan	0.337	.000
Keadaan Diri	0.434	.000
Kemahiran dan Pengalaman	0.383	.000
Sikap	0.422	.000

Terdapat hubungan positif dan sederhana yang signifikan antara ciri keusahawanan dengan aspirasi kerjaya keusahawanan. Dapatkan kajian ini selaras dengan kajian Norfadhilah Nasharudin dan Halimah Harun (2010) yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara ciri-ciri keusahawanan dengan minat terhadap kerjaya keusahawanan ( $r = 0.487$ ), sikap terhadap kerjaya keusahawanan ( $r = 0.636$ ) dan bangsa ( $r = 0.143$ ) dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Oleh itu, ciri keusahawanan dalam diri murid perlu ditingkatkan supaya aspirasi kerjaya keusahawanan dalam diri murid dapat diterapkan di samping dapat memantapkan kemahiran murid semasa alam pekerjaan kelak. Teknik pengajaran pendidikan keusahawanan perlu dipelbagaikan bagi menarik minat murid terhadap keusahawanan.

## KESIMPULAN

Kajian mengenai keusahawanan telah banyak dijalankan tidak kira di dalam maupun diluar negara. Namun begitu, kajian yang dijalankan mengenai aspirasi kerjaya keusahawanan masih kurang dijalankan oleh para penyelidik. Beberapa kesimpulan dapat dinyatakan berdasarkan dapatan kajian ini, iaitu murid kurang bersetuju bahawa mereka mempunyai aspirasi kerjaya keusahawanan. Hal ini demikian kerana kesedaran para pelajar terhadap ciri keusahawanan yang ada dalam diri sendiri adalah amat tidak memuaskan. Meskipun terdapat elemen keusahawanan dalam pendidikan di sekolah dan juga IPT, pelajar kurang peka dengan kepentingan bagi kerjaya keusahawanan. Di samping itu terdapat hubungan yang positif dan sederhana yang signifikan antara ciri keusahawanan dengan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan murid Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB). Pemberian program, kursus dan juga latihan yang berkaitan dengan keusahawanan dapat memberi pendedahan yang tinggi kepada murid berkaitan tentang keusahawanan. Selain itu, penggunaan pelbagai teknik pengajaran keusahawanan juga dapat membantu murid dalam meningkatkan pengetahuan dalam bidang keusahawanan serta dapat meningkatkan aspirasi kerjaya keusahawanan dalam diri murid.

## RUJUKAN

- Aliman, S., Akmaliah, Z., & Pihie, L. (2013). Amalan Pengajaran Keusahawanan Dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional. *Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDUC 2013)*, (Greduc 2013).
- Azilahwati Binti Adam, Syaharizad Binti Abdul Razak dan Muhammad Helmi Bin Abu Bakar ( 2011). “Aspirasi Kerjaya Sebagai Usahawan Di Kalangan Pelajar-pelajar Semester Akhir Kolej Komuniti Jasin.” Kolej Komuniti Jasin.
- Bukryman Sabri; Nurizan Yahaya; Samir Muhazzab Mohd Amin; Naimah Mohd Salleh; Mansor Abu Talib; Adlina Abd Halim; Roselee Shah Shaharudin; Afida Mastura Muhammad Arif; Mohd Salleh Bacho; Mohamed Azrul Syam Mohamed Yusof; Hemalatha Mahenthiran. (2008). Aspirasi Keusahawanan Belia Terhadap Memupuk Budaya Keusahawanan Ke Arah Menuju Pencapaian Wawasan 2020, 1–28.
- Farizah, A., Asmiza, O., & Rashdan, R. (2006). Memupuk budaya usahawan dalam kalangan pelajar di politeknik tuanku syed sirajuddin: satu kajian deskriptif. *Politekni Tuanku Syed Sirajuddin, Malaysia*, 1(1), 1–10.
- Haase, H., & Lautenschläger, A. (2011). Career Choice Motivations of University Students. *International Journal of Business Administration*, 2(1), 2–13. <http://doi.org/10.5430/ijba.v2n1p2>
- Irdawaty, A., Mohamed, B., & Shafie, S. B. (n.d.). Konsep kesediaan keusahawanan di kalangan pelajar kolej komuniti bandar penawar, 1–17.
- Mahmood, N., Dason, A., Peggy, C., Hamzah, R., & Saud, M. S. (2011). Kurikulum Kemahiran Hidup ke arah Merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1–19.
- Yean, T., Yahya, K., Woodd, M., Whiston, S. C., Keller, B. K., Price, S., ... Huguenard, B. R. (2008). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 15, 11–17. <http://doi.org/10.1177/1069072710385547>
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Abd Rahim Bakar, M. M. K. (2002). Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia : Kesan Terhadap Aspirasi Keusahawanan Pelajar. *Pertanika Journal Sosial Sciences & Humanities*, 10(1), 53–61.